

Berita Harian | Selasa, 8 November 2016

Berita

Pemerintah kerjasama dengan NYP, SIT majukan pendidikan IT menyeluruh

AGENSI Keselamatan Siber (CSA) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan Politeknik Nanyang (NYP) dan Institut Teknologi Singapura (SIT) untuk membangunkan program pendidikan operasi keselamatan siber yang menyeluruh.

MOU itu juga bertujuan mengukuhkan hubungan pemerintah dengan ilmuwan dalam usaha membina saluran tenaga mahir yang bersedia menyertai industri.

Kerjasama itu diumumkan Menteri Perhubungan dan Penerangan Dr Yaacob Ibrahim, yang juga Menteri Bertanggungjawab bagi Keselamatan Siber, semalam di Persidangan Keselamatan Nasional 2016.

Langkah tersebut selaras rancangan Singapura ingin membangunkan ekosistem keselamatan siber yang lebih rencam dan boleh menyokong keperluan keselamatan siber Singapura, di samping menjadi sumber pertumbuhan ekonomi baru, seperti yang telah dijelaskan dalam Strategi Keselamatan Siber bulan lalu.

Dalam ucapannya, Dr Yaacob berkata salah satu rancangan strategi tersebut adalah membangunkan tenaga kerja keselamatan siber.

“CSA akan bekerjasama dengan dua institut pengajian tinggi ini daripada segi pembangunan kemahiran dan juga daya usaha baru yang akan membantu rakyat Singapura membina daya tahan siber.

“Salah satu hasil (yang kami harapkan) daripada MOU ini adalah pelajar yang lebih bersedia menyertai industri sebaik sahaja mereka tamat sekolah,” katanya.

Dr Yaacob menambah bahawa karyawan keselamatan siber didapati berkurangan. Justeru, pemerintah mengambil langkah menutup jurang tenaga kerja itu.

Dengan program yang ditawarkan universiti dan politeknik, kata Dr Yaacob, lebih 800 lulusan ijazah sarjana muda dan juga diploma keselamatan siber boleh dijangka memasuki pasaran kerja setiap tahun bermula akhir 2018.



PERKASA SYARIKAT DAN AGENSI PEMERINTAH: Dr Yaacob berkata pemerintah mahu menutup jurang kekurangan pekerja dalam bidang IT dan keselamatan IT demi menghadapi cabaran hari muka. – Foto PERSEKUTUAN PERNIAGAAN SINGAPURA

Melalui kerjasama CSA dan NYP, program Operasi Kerjasama Keselamatan Siber akan diperkenal. Pelajar dapat menimba pengalaman latihan praktikal melalui latihan amali dengan CSA.

CSA dan SIT pula akan menawarkan Program Ijazah Bersepadu Pengajian dan Bekerja (IWSP), di mana pelajar dapat mempelajari cara menyesuaikan diri dalam ekonomi yang pesat berubah

melalui program latihan amali selama 12 bulan.

Persidangan yang diadakan di Pusat Konvensyen dan Pameran Suntec semalam dihadiri 500 peserta, yang terdiri daripada ahli perniagaan dan pegawai sektor awam, bagi membincangkan isu keselamatan siber dan cabarannya.

Bertemakan *Fight the Dark Side*, persidangan tahunan itu juga menyarankan cara supaya syarikat lebih bersedia menghadapi krisis.